

Headline **MIMOS mahu lahirkan syarikat gergasi tempatan**
Date **06 May 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **35**
Article Size **218 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **6,174**
PRValue **18,522**



MIMOS mahu lahirkan syarikat gergasi tempatan

Usaha bawa balik pakar dapat jana hak cipta, teknologi

Che Wan Badrul Alias

MIMOS Berhad (MIMOS), berhasrat dapat melahirkan syarikat elektronik tempatan berstatus gergasi multinasional menerusi langkah mengkomersialkan produk penyelidikan dan pembangunannya (R&D) pada peringkat global.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata syarikat gergasi Malaysia itu adalah seperti syarikat multinasional terkemuka lain yang berupaya mengawal sendiri hak cipta dan teknologi masing-masing untuk dikomersialkan ke pasaran antarabangsa.

Susulan itu, katanya, usaha membawa kembali bakat dan pakar tempatan yang

berkhidmat di luar negara adalah penting untuk menjana lebih banyak hak cipta dan teknologi tempatan yang berkualiti bagi membolehkan negara bersaing dikalangan negara membangun.

"Kami mahu lahirkan 'Samsung Malaysia' dari kalangan syarikat tempatan sedia ada, itulah perancangan yang kami atur untuk pertumbuhan seterusnya dalam industri ini.

"Kerana itu, kita perlukan lebih banyak bakat dan kepakaran dalam bidang ini ba-

gi menghasilkan lebih banyak hak cipta dan teknologi, seterusnya barulah kita mempunyai cukup kekuatan untuk bina syarikat tempatan kepada gergasi multinasional," katanya pada sidang media selepas sambutan ulang tahun ke-25 MIMOS di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dipilih sebagai penerima Anugerah Kepimpinan ICT Negara.

Mengulas perancangan Mimos tahun ini, Abdul Wahab berkata, fokus tahun ini adalah untuk mengkomersialkan teknologi yang dibangunkan MIMOS bukan saja untuk syarikat global, tapi juga menerusi saluran lain

yang mampu menonjolkan produk tempatan ke pasaran antarabangsa.

Katanya, kerana itu syarikat memperuntukkan pelaburan besar bagi mendaftar hak cipta di seluruh dunia sebagai langkah melindungi hak industri mereka apabila ia dipasarkan di seluruh dunia tidak lama lagi.

"Nilai teknologi dan hak cipta MIMOS ketika kini dijangka sudah melebihi RM500 juta dan MIMOS berusaha untuk mencari jalan menjana wang daripada teknologi ini.

"Kami mempunyai banyak produk yang bersedia untuk dikomersialkan, iaitu kira-kira 23 produk atau penyelesaian teknologi, dan jumlah ini tidak termasuk produk syarikat tempatan lain yang dibangunkan menerusi 18 platform ICT MIMOS," katanya.

